



**TEKS UCAPAN
YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN
PROJEK MEMBINA LEBUHRAYA DARI KOTA BHARU
KE KUALA KRAI, KELANTAN
PAKEJ 2A: KADOK KE KETEREH**

PADA 20 OKTOBER 2019

Terima kasih saudara pengacara majlis

Ahli-ahli Yang Berhormat

Dif-dif kehormat

Pegawai-pegawai kanan Jabatan Kerajaan

Wakil-wakil media massa

YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua hadirin yang telah sudi untuk bersama-sama meluangkan masa dalam Majlis Perasmian Pembukaan Projek Lebuhraya Dari Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan, Pakej 2A dari Kadok ke Ketereh pada hari ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga di atas kerjasama dan sokongan padu semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

Hadirin sekalian,

2. Bagi tahun 2019, Rancangan Malaysia Kesebelas, sejumlah RM369 juta daripada keseluruhan peruntukan sebanyak RM5.715 bilion telah pun diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan di Negeri Kelantan Darul Naim bagi projek-projek infrastruktur di bawah Kementerian Kerja Raya yang melibatkan pembinaan jalan baru, naiktaraf jalan, pembinaan jambatan serta membaik pulih kawasan cerun. Tanggungjawab Kerajaan Persekutuan tidak hanya terhad kepada pembinaan atau naiktaraf jalan sahaja, malah bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna, Kerajaan Persekutuan telah pun memperuntukkan sebanyak RM44.4 juta untuk tahun 2019 bagi menyenggara 1,366 kilometer jalan persekutuan sedia ada di Negeri Kelantan iaitu RM15.8 juta bagi penyenggaraan rutin dan RM28.6 juta bagi penyenggaraan berkala.

4. Salah satu projek infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan di Negeri Kelantan ialah Projek Lebuhraya dari Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan sepanjang 61.4 kilometer yang dibahagikan kepada tiga (3) pakej utama dan merupakan laluan alternatif yang selari dengan Jalan Persekutuan FT08 sedia ada. Selaras dengan keperluan aspek keselamatan dan aspek kesesakan lalu lintas semasa, pelaksanaan projek ini telah dilaksanakan secara berperingkat bermula Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan keutamaan pelaksanaan bagi Pakej 1B, 2A, 2B, 2C dan 3A dari Pasir Hor ke Bukit Tiu, Machang sepanjang 39.15 kilometer dengan kos yang telah diluluskan sebanyak RM1.45 bilion.

5. Jajaran Pakej 1B dari Pasir Hor ke Kadok sepanjang 7 kilometer telah siap dan telah dibuka kepada pengguna pada Ogos 2018 manakala jajaran Pakej 2A dari Kadok ke Ketereh sepanjang 6.85km akan dirasmikan pembukaan sebentar nanti. Jajaran yang sedang dalam pembinaan pula ialah Pakej 2B dari Ketereh ke Kok Lanas sepanjang 6.2km yang dijadualkan akan siap pada November 2020 dengan kemajuan semasa di tapak sebanyak 50 peratus. Pakej 2C dan 3A dari Kok Lanas ke Bukit Tiu, Machang sepanjang 19.1km pula sedang dalam peringkat perancangan tender dan dijangka dapat dimulakan pembinaan pada suku kedua tahun 2020.

6. Skop utama kerja yang dilaksanakan bagi Pakej 2A dengan kos pembinaan sebanyak RM136.6 juta ini ialah membina jalan baru 4 lorong 2 hala mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 6.85km, sebelas (11) buah jambatan, satu (1) persimpangan searas di Ketereh dan tiga (3) Vehicular Box Culvert (VBC). Pakej ini telah dimulakan pada 22 April 2015 dan telah berjaya disiapkan pada 23 Julai 2019. Syabas dan tahniah saya

ucapkan kepada pihak JKR, perunding, kontraktor dan semua pihak yang terlibat kerana telah berjaya melaksanakan dan menyiapkan projek ini.

7. Seperti para hadirin sedia maklum, Jalan Persekutuan FT08 sedia ada merupakan jalan utama dari Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan dengan kepadatan trafik yang tinggi terutamanya pada waktu puncak dan musim perayaan utama. Dengan terbinanya projek ini tentunya akan mewujudkan laluan baru yang dapat meningkatkan tahap kemudahsampaian, keselesaan dan keselamatan pengguna jalanraya. Disamping usaha kerajaan untuk menyediakan infrastruktur berkualiti di Negeri Kelantan, projek ini secara keseluruhannya akan mewujudkan rangkaian jalan yang efektif serta memastikan pembangunan yang seimbang di kawasan pantai timur.
8. Projek-projek seumpama ini merupakan contoh yang membuktikan bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa peka dan mengutamakan kehendak rakyat serta membuktikan Negeri Kelantan sentiasa diingati dalam peta pembangunan infrastruktur negara. Akhir kata, saya amat yakin dan percaya bahawa projek berimpak tinggi ini akan memberi banyak manfaat serta faedah kepada pengguna di Daerah Kota Bharu.
9. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Sekian, terima kasih.